

# **PANDUAN MENGHADIRI PEMBICARAAN AKTA HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) 1955**

Pembicaraan harta pusaka simati akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti yang tercatit dalam Borang D (Notis Petisyen dan Pendengaran – Seksyen 8) dan Borang S (Notis Pendengaran Permohonan Berikutnya -Seksyen17 )

**Pemohon/pempetisyen adalah bertanggungjawab ke atas perkara-perkara yang berikut :-**

1. Tuan/puan adalah dikehendaki membawa bersama **dokumen-dokumen asal** berikut :-
  - i. Sijil Kematian simati/waris-waris yang telah mati
  - ii. Kad Pengenalan dan Surat Beranak semua waris
  - iii. Sijil Kerakyatan / Surat Kelahiran, Sijil Perkahwinan simati (jika ada)
  - iv. Hakmilik tanah / Surat Perjanjian Jual Beli.
  - v. Sijil Pendaftaran kenderaan, sijil saham, buku akaun simpanan yang telah dikemaskinikan.
  - vi. Lain-lain **dokumen asal** yang berkaitan dengan harta simati.
2. Tuan/puan dikehendaki memaklumkan kepada semua waris simati yang berhak menuntut harta pusaka tersebut supaya hadir pada tarikh pembicaraan.
3. Sila pastikan semua yang hadir **berpakaian kemas dan sopan**. (Bagi waris di bawah umur 18 tahun tidak diwajibkan hadir, hanya salinan kad pengenalan dan surat beranak sahaja diperlukan).
4. **Waris yang tidak dapat hadir pada tarikh pembicaraan**, bolehlah mengemukakan **BORANG PERSETUJUAN (BORANG DDA)** yang boleh diperolehi di mana-mana Unit Pembahagian Pusaka seluruh Semenanjung Malaysia atau di muat turun dari laman web ([www.kptg.gov.my](http://www.kptg.gov.my)). **Borang Persetujuan hendaklah ditandatangani di hadapan Pesuruhjaya Sumpah, Majistret atau Pentadbir Tanah Daerah dan diisi dengan lengkap bagaimana harta hendak dibahagikan diruang yang disediakan.** Borang Persetujuan yang tidak lengkap akan ditolak.
5. Sekiranya simati meninggalkan ibu bapa, mereka adalah waris yang berhak dan dikehendaki hadir pembicaraan atau mengemukakan Borang Persetujuan.
6. Jika tuan/puan seorang sahaja waris simati (tunggal) yang akan menghadiri pembicaraan itu, maka tuan/puan dikehendaki membawa dua (2) orang saksi bebas (yang tidak ada pertalian persaudaraan dengan waris yang berhak / simati)
7. Sebelum menghadiri pembicaraan, waris-waris dinasihatkan supaya mengadakan perbincangan bagi menentukan cara pembahagian.
8. Sekiranya tuan/puan **gagal hadir** pembicaraan setelah **3 kali** panggilan dibuat, permohonan tuan/puan akan dibatalkan.
9. Bayaran perintah sebanyak RM \_\_\_\_\_ hendaklah dijelaskan semasa perbicaraan (berdasarkan **nilaian terkini** harta simati seperti senarai harta di Borang Permohonan Borang A-Seksyen 8 yang difailkan)

\*\* Sebarang maklumat / keterangan lanjut sila hubungi Unit Pembahagian Pusaka yang berkenaan.